

**LAMPIRAN 4**

**Senarai Semak Dokumen Permohonan Perihal  
Pembangunan Tanah**  
**(Seksyen 124A& 204D, Kanun Tanah Negara)**

Bil.	JENIS DAN BILANGAN DOKUMEN YANG DISEMAK OLEH UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	Bilangan Dokumen
1.	Dokumen yang diperlukan:  i. Pelan Susunatur ii. Pelan Kunci dan Pelan Lokasi dengan titik-titik rujukan peta (RSO, Latitud- Longitud dalam darjah, minit dan saat) dan aras cadangan tapak ( <i>platform level</i> ). iii. Pelan Survei Butiran Aras Laras Tapak dengan salinan digital	1 1 1

**LAMPIRAN 6**

**Senarai Semak Dokumen Permohonan Kebenaran Merancang/ Kerja Tanah**

Bil.	JENIS DAN BILANGAN DOKUMEN YANG DISEMAK OLEH UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	Bilangan Dokumen
A.	<p style="text-align: center;"><b><u>Laporan-Laporan Geologi</u></b></p> <p>Laporan Siasatan Tapak yang disediakan oleh Perunding Geologi bagi semua tapak pembangunan. Siasatan tapak terperinci diperlukan bagi kawasan yang melibatkan kawasan sensitif alam sekitar seperti berikut; seperti kawasan yang didasari <b>batu kapur</b>, kawasan <b>enapan kuartenari geologi</b>, kawasan <b>takungan air</b>, <b>tanah tebus guna</b> dan kawasan <b>bekas lombong</b>.</p> <p>Laporan yang akan dikemukakan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lokasi lubang gerudi yang ditandakan di atas Pelan Survei Butiran Aras Laras</li> <li>ii. Paras air tanah</li> <li>iii. Keputusan ujian in situ dan makmal</li> <li>iv. Log lubang gerudi dan keratan rentas (profil sub-permukaan)</li> </ul>	1
B.	<p>Laporan Pemetaan Geologi Terain yang disediakan oleh Perunding Geologi bagi kawasan lereng bukit <b>berkecerunan 15°</b> dan ke atas serta pembangunan di kawasan <b>tanah tinggi</b> (300m-1,000m).</p> <p>Laporan yang akan dikemukakan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Analisis kecuraman cerun berasaskan Pelan Survey Butiran Aras Laras (1-5m)</li> <li>ii. Pelan Poligon Pemetaan Geologi Terain</li> <li>iii. Pelan Kesesuaian Pembinaan menunjukkan peratusan kelas</li> <li>iv. Pelan Kesesuaian Pembinaan yang ditindih dengan Pelan Susunatur dengan salinan digital</li> </ul>	1
C.	<p>Laporan Penilaian Geologi pembangunan berhampiran kawasan bukit batu kapur berpandukan Garis Panduan Pembangunan di Sekitar Bukit Kapur, JMG 2015 perlu disediakan bagi pembangunan yang terletak berhampiran <b>tebing curam batu kapur</b> dalam lingkungan dua (2) kali ketinggian tebing kritikal.</p>	1

D.	Laporan Penilaian Geologi Pembangunan Di Kawasan Gambut bagi kawasan yang didasari oleh <b>gambut atau berpaya</b> .	1
E.	Laporan Geofizik bagi kawasan yang didasari oleh <b>formasi batu kapur</b> .	1
F.	Laporan Kestabilan Cerun dan Laporan Penilaian Geologi bagi <b>kawasan bercerun batuan/ tanah yang telah dikacauganggu</b> (bekas kuari, potongan cerun dsb).	1
G.	Penilaian dan ulasan potensi sumber mineral yang terletak di dalam atau sekitaran kawasan tapak permohonan di luar kawasan RT.	1
H	Penilaian dan ulasan mengenai sebarang aktiviti perlombongan dan pengkuarian yang terletak di sekitaran tapak permohonan di luar kawasan RT.	1

\* Kesemua laporan yang dikemukakan perlu disediakan atau disahkan oleh Ahli Geologi yang bertauliah dan berdaftar dengan Lembaga Ahli Geologi (BoG).

**LAMPIRAN 8****Senarai Semak Dokumen Permohonan Pelan Kerja Tanah**

Bil.	JENIS DAN BILANGAN DOKUMEN YANG DISEMAK OLEH UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	Bilangan Dokumen
A.	<p>Pelan Kerja Tanah</p> <p>i. Pelan Kerja Tanah yang ditindih dengan pelan susun atur dengan titik-titik rujukan peta (RSO, Latitud-Longitud dalam darjah, minit dan saat).</p> <p>ii. Pelan keratan rentas cerun potongan dan tambakan berserta cadangan kaedah mitigasi cerun.</p> <p>iii. Laporan Penilaian Geologi dan Laporan Analisis Kestabilan Cerun bagi pembangunan kawasan sensitif geologi dan lereng bukit yang berkelas III dan IV.</p> <p>iv. Laporan Kaedah Peletupan Batuan secara terkawal yang disediakan oleh Jurutera Perlombongan Profesional mengikut Garis Panduan Kerja Peletupan Pembangunan JMG, sekiranya melibatkan kerja peletupan batuan.</p>	1 1 1 1

\* Kesemua laporan yang dikemukakan perlu disediakan atau disahkan oleh Ahli Geologi yang bertauliah dan berdaftar dengan Lembaga Ahli Geologi (BoG)